PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Keadaan monetari terus menyokong aktiviti yang diterajui oleh sektor swasta

Dalam persekitaran inflasi yang rendah, dasar monetari terus menyokong pertumbuhan ekonomi pada suku pertama 2004. Keadaan mudah tunai yang mencukupi dan kapasiti sistem perbankan yang kukuh bersama dengan kadar faedah yang rendah dan stabil terus menyokong keperluan pembiayaan oleh sektor swasta.

Pada suku pertama, kadar antara bank kekal rendah dan stabil. Kadar antara bank semalaman berada antara 2.70% - 2.75%.

Purata Harian Kadar Antara Bank Semalaman



Operasi Mudah Tunai BNM
(Pada sukuan, RM juta)



Bank Negara Malaysia menyerap mudah tunai tambahan yang berpunca daripada pengembangan operasi luaran bagi mengekalkan kestabilan pasaran wang.

Perkembangan yang ketara dalam pengendalian dasar monetari ialah perlaksanaan rangka kerja kadar faedah baru oleh Bank Negara Malaysia pada 26 April 2004. Perubahan yang diperkenalkan adalah untuk meningkatkan kecekapan mekanisme penghantaran dasar monetari dan menggalakkan kefleksibelan yang lebih tinggi serta penentuan harga yang lebih efisien oleh institusi perbankan. Rangka kerja baru ini diadakan untuk meningkatkan keberkesanan dasar monetari dengan mempermudah penghantaran perubahan dalam kadar dasar kepada kadar pasaran lain dan akhirnya kepada objektif utama makroekonomi.

Kadar dasar semalaman (KDS) menggantikan kadar campur tangan 3 bulan sebagai penunjuk teras dasar monetari. Rangka kerja baru merupakan perubahan dalam sistem perlaksanaan dasar monetari dan ia bukanlah merupakan perubahan dalam dasar monetari. Bagi mencerminkan keadaan ini, KDS ditetapkan pada kadar antara bank semalaman yang ada pada ketika itu iaitu 2.70%. Sejak diperkenalkan, kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 2.68% - 2.80%, dengan purata pada kadar 2.71% pada tempoh 26 April - 21 Mei 2004. Keadaan ini mencerminkan kelancaran peralihan kepada rangka kerja baru kerana peserta pasaran bertindak balas seperti yang dijangkakan.

Di bawah rangka kerja kadar faedah baru, setiap institusi perbankan akan mengumumkan kadar pemberian pinjaman asas (BLR) masing-masing berdasarkan pada kos struktur dan strategi perniagaan. Sejak rangka kerja kadar faedah baru diperkenalkan, BLR bank perdagangan (BP), kecuali sebuah institusi, kekal tidak berubah pada kadar 6.00%, sementara BLR syarikat kewangan (SK) kekal tidak berubah pada kadar 6.90% pada 21 Mei 2004. Purata kadar pemberian pinjaman (ALR) BP dan SK terus menurun sedikit, masing-masing kepada 6.05% dan 8.87% pada 30 April 2004. Ini mencerminkan komponen pinjaman baru yang lebih besar pada kadar pinjaman yang lebih rendah.

Kadar Pemberian Pinjaman: Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan
(purata bagi bulan)



Kadar Faedah

	S1 03	S4 03	S1 04
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar campur tangan 3-bulan *	5.00	4.50	4.50
Kadar antara bank			
Semalaman	2.81	2.71	2.71
1 bulan	2.99	2.99	2.98
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.39	6.00	6.00
Syarikat kewangan	7.45	6.90	6.90
Purata kadar pinjaman (ALR)			
Bank perdagangan	6.50	6.11	6.10
Syarikat kewangan	9.49	9.11	8.95
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.20	3.00	3.00
12 bulan	4.00	3.70	3.70
Syarikat kewangan			
3 bulan	3.20	3.00	3.00
12 bulan	4.00	3.70	3.70

* Berkuat kuasa 26 April 2004, Kadar Dasar Semalaman (OPR) menggantikan kadar campur tangan 3-bulan sebagai penunjuk teras dasar monetari.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan sektor swasta kekal mapan

Permintaan pembiayaan oleh sektor swasta kekal tinggi pada suku pertama disebabkan oleh kos pinjaman yang terus rendah, keadaan permintaan domestik yang mapan dan keadaan ekonomi luaran yang bertambah baik. Pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal kekal kukuh pada tahap RM118.9 bilion pada suku pertama 2004. Pada asas bersih, jumlah terkumpul pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terus meningkat dengan kukuh pada kadar tahunan 8.2%.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Mencerminkan sentimen peniaga dan pengguna yang bertambah baik, kebanyakan penunjuk pinjaman meningkat dengan kukuh pada suku pertama. Jumlah permohonan pinjaman terus meningkat kepada RM58.6 bilion, melebihi purata suku tahunan 2003 sementara kelulusan pinjaman kekal tinggi sebanyak RM37.2 bilion. Permohonan

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan Dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2003	S1 03	S4 03	S1 04	2003	S4 03	S1 04
Jumlah pembiayaan kasar	**492.2**	**117.2**	**133.7**	**118.9**	**9.0**	**12.8**	**1.4**
Pengeluaran pinjaman *	441.7	100.4	120.9	114.9	7.3	14.3	14.4
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	42.8	16.2	8.3	2.8	60.5	-22.3	-82.5
Ekuiti	7.8	0.6	4.6	1.2	-41.5	116.5	104.4
Jumlah terkumpul pembiayaan (A)+(B)	**57.8**	**17.3**	**11.1**	**6.9**	**10.3**	**10.3**	**8.2**
Sistem perbankan	28.1	5.7	4.5	3.3	5.9	5.9	5.3
Baki pinjaman (A)	*21.6*	*1.2*	*1.3*	*5.3*	*4.8*	*4.8*	*5.7*
Pegangan PDS	*6.6*	*4.5*	*3.2*	*-2.0*	*23.8*	*23.8*	*0.0*
PDS terkumpul (B)	36.2	16.0	9.8	1.6	33.4	33.4	17.5
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	51.0	17.4	10.5	6.0	40.8	-10.3	-65.3

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.

pinjaman adalah lebih tinggi bagi perniagaan dan isi rumah berbanding dengan suku keempat 2003. Jumlah pinjaman yang disalurkan meningkat pada kadar tahunan 14.4% kepada RM114.9 bilion. Jumlah pinjaman yang disalurkan kepada sektor perkilangan dan perniagaan mencakupi 39.5% daripada jumlah pengeluaran pinjaman.

Langkah-langkah terus diambil untuk menyokong akses pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pinjaman bank kepada sektor tersebut kekal kukuh pada suku pertama 2004. Kelulusan pinjaman yang tinggi pada suku sebelumnya

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2003			2004	2003			2004
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
Jumlah								
Permohonan pinjaman	56.1	55.8	227.6	58.6	14.4	6.8	4.8	4.4
Kelulusan pinjaman	35.3	38.9	152.7	37.2	14.3	16.8	11.0	5.2
Pengeluaran pinjaman	100.4	120.9	441.7	114.9	0.5	14.3	7.3	14.4
Bayaran balik pinjaman	100.9	123.0	430.5	112.5	4.3	17.5	6.9	11.5
Perubahan baki pinjaman *	1.2	1.3	21.6	5.3	3.5	4.8	4.8	5.7
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan								
Permohonan pinjaman	33.9	28.6	124.9	30.5	-1.3	-9.4	-7.7	-9.9
Kelulusan pinjaman	18.2	18.8	77.2	17.2	20.1	13.9	12.7	-5.1
Pengeluaran pinjaman	68.1	84.4	303.4	78.2	0.2	16.2	7.6	14.9
Bayaran balik pinjaman	69.4	86.9	299.6	75.6	5.5	22.2	8.6	8.9
Perubahan baki pinjaman *	-4.5	-5.0	-5.2	-0.4	-3.2	-2.4	-2.4	-0.6
PKS								
Permohonan pinjaman	12.8	9.8	44.5	10.5	t.d.	t.d.	t.d.	-17.8
Kelulusan pinjaman	6.8	6.6	25.7	5.7	t.d.	t.d.	t.d.	-16.1
Pengeluaran pinjaman	21.1	24.9	87.1	23.7	t.d.	t.d.	76.0	12.3
Perubahan baki pinjaman *	2.3	2.4	7.4	-1.1	1.9	10.0	10.0	5.3
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	21.0	18.8	80.4	20.0	t.d.	t.d.	t.d.	-5.0
Kelulusan pinjaman	11.3	12.2	51.5	11.5	t.d.	t.d.	t.d.	1.5
Pengeluaran pinjaman	47.0	59.5	216.4	54.6	t.d.	t.d.	-6.9	16.0
Perubahan baki pinjaman *	-6.7	-7.3	-12.7	0.6	-5.8	-8.8	-8.8	-3.9
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	21.0	25.5	98.5	27.2	27.2	26.8	20.2	29.9
Kelulusan pinjaman	16.0	18.7	72.0	19.3	7.5	13.3	7.6	20.8
Pengeluaran pinjaman	26.2	30.4	114.5	30.8	2.4	12.5	8.9	17.5
Bayaran balik pinjaman	22.5	26.3	94.1	26.8	8.5	20.6	12.4	19.2
Perubahan baki pinjaman *	5.0	7.4	26.2	6.0	13.7	12.8	12.8	13.0

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Baki pinjaman
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2003	S1 03	S4 03	S1 04		
	RM bilion				%	
Perusahaan perniagaan	303.4	68.1	84.4	78.2	68.1	44.6
Syarikat besar	*216.4*	*47.0*	*59.5*	*54.6*	*47.5*	*27.6*
PKS	*87.1*	*21.1*	*24.9*	*23.7*	*20.6*	*16.9*
Isi rumah	114.5	26.2	30.4	30.8	26.8	49.4
Mengikut sektor						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	11.1	2.5	3.0	3.1	2.7	2.3
Perlombongan dan kuari	1.7	0.3	0.5	0.5	0.5	0.2
Perkilangan	110.4	27.3	28.5	27.2	23.6	12.7
Sektor harta benda yang luas	78.9	17.2	21.6	21.0	18.3	40.2
Pembinaan	*27.5*	*6.3*	*7.2*	*7.0*	*6.1*	*6.1*
Pembelian rumah kediaman	*35.6*	*7.6*	*9.7*	*9.5*	*8.2*	*25.1*
Pembelian harta tanah bukan kediaman	*9.7*	*2.0*	*2.7*	*2.7*	*2.4*	*6.1*
Harta tanah	*6.1*	*1.3*	*1.9*	*1.8*	*1.5*	*3.0*
Bekalan elektrik, gas dan air	6.0	1.5	1.0	1.5	1.3	1.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	70.1	16.1	19.3	18.3	15.9	8.2
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	12.0	1.9	2.4	2.5	2.1	2.3
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	36.7	6.1	14.7	10.6	9.2	6.2
Kredit penggunaan	72.4	17.2	18.9	19.5	17.0	18.9
Di antaranya:						
Kad kredit	*30.5*	*7.1*	*8.5*	*8.4*	*7.3*	*2.5*
Pembelian kereta penumpang	*24.5*	*6.1*	*5.7*	*6.0*	*5.2*	*13.1*
Pembelian sekuriti	12.9	2.8	3.4	3.7	3.2	4.1
Pembelian kereta pengangkutan tidak termasuk kereta penumpang	1.2	0.4	0.3	0.3	0.2	0.7
Lain-lain	28.3	7.1	7.3	6.8	5.9	3.2
Jumlah	**441.7**	**100.4**	**120.9**	**114.9**	**100.0**	**100.0**

Sumber: Bank Negara Malaysia

menghasilkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 12.3% untuk pinjaman yang disalurkan kepada PKS, iaitu berjumlah RM23.7 bilion pada suku pertama. Walau bagaimanapun, jumlah pembayaran balik pinjaman yang lebih tinggi menyumbang kepada penyederhanaan kadar pertumbuhan tahunan pinjaman terkumpul kepada PKS sebanyak 5.3% pada akhir bulan Mac 2004 berbanding 10% pada akhir 2003. Pada suku pertama, sejumlah RM5.7 bilion telah diluluskan kepada 18,703 PKS.

Bagi sektor isi rumah, peningkatan pendapatan isi rumah dan sentimen pengguna dicerminkan oleh peningkatan dalam kesemua penunjuk pinjaman utama isi rumah berbanding dengan suku sebelumnya. Jumlah permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman masing-masing meningkat pada kadar tahunan sebanyak 29.9%, 20.8% dan 17.5%. Kelulusan telah diberi terutamanya bagi pembelian harta kediaman (44.3% daripada jumlah kelulusan pinjaman untuk isi rumah). Pengeluaran pinjaman untuk pembelian harta kediaman mencakupi 30.8% daripada pengeluaran kepada isi rumah, diikuti dengan kad kredit (27.2%) dan pembelian kereta penumpang (19.4%).

Berian Pinjaman Bank kepada PKS



Agregat monetari terus berkembang

Sejajar dengan peningkatan pertumbuhan aktiviti ekonomi yang diterajui oleh sektor swasta dan sektor luar negeri yang lebih baik, ketiga-tiga agregat monetari berkembang pada suku pertama. Kadar pertumbuhan tahunan M1, M2 dan M3 adalah lebih tinggi, masing-masing sebanyak 19.8%, 12.6% dan 10.7% pada akhir bulan Mac 2004 (masing-masing sebanyak 14.6%, 11.1% dan 9.7% pada akhir bulan Disember 2003). Pertumbuhan M1 yang tinggi mencerminkan permintaan yang lebih kukuh bagi baki urus niaga dan jumlah dagangan yang tinggi dalam pasaran ekuiti. Sementara itu, wang secara luas, M3,

meningkat sebanyak RM19.1 bilion dalam suku pertama, mencerminkan penghantaran balik perolehan eksport yang berterusan dan aliran masuk dana asing untuk portfolio dan pelaburan langsung, serta pembiayaan sistem perbankan yang lebih tinggi kepada sektor swasta. Peningkatan ini diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan deposit dengan Bank Negara Malaysia, berikutan simpanan Kerajaan melalui perolehan yang diterima daripada penerbitan SKM pada suku pertama.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Penentu-penentu M3

	Perubahan pada tempoh				
	Tahunan		Suku Tahunan		
	2002	2003	S1 03	S4 03	S1 04
	RM bilion				
M3	31.6	48.5	12.6	14.3	19.1
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	11.5	12.9	4.7	8.5	-6.0
Tuntutan ke atas sektor swasta	27.7	31.3	7.2	2.4	3.8
Operasi luar bersih	1.2	20.7	-2.1	12.0	33.3
Pengaruh lain	-8.9	-16.5	2.8	-8.6	-12.0

* Sebelum penilaian semula
Sumber: Bank Negara Malaysia

Dana lebih tinggi diperoleh daripada pasaran modal

Pada suku pertama 2004, dana bersih yang lebih tinggi berjumlah RM5.9 bilion diperoleh daripada pasaran modal. Dana bersih yang lebih tinggi mencerminkan dana kasar yang lebih tinggi sebanyak RM11.5 bilion yang diperoleh daripada sektor awam dengan penerbitan tiga SKM. Bon Simpanan Merdeka diterbitkan buat kali pertama oleh Bank Negara Malaysia pada 4 Februari 2004 berjumlah RM500 juta. Bon Simpanan Merdeka adalah instrumen tambahan bagi simpanan untuk warga emas yang tidak bekerja secara sepenuh masa serta anggota Tentera Malaysia yang telah bersara. Pada asas bersih, setelah mengambil kira penebusan SKM dan Bon Simpanan Malaysia, jumlah dana bersih yang diperoleh daripada sektor awam adalah lebih tinggi berjumlah RM5.5 bilion (RM2.6 bilion pada S4 2003).

Kalendar pelelongan sekuriti Kerajaan telah diumumkan pada suku pertama, dengan 17 terbitan dirancang pada tahun 2004. Kalendar pelelongan dirangka untuk memanjangkan tanda aras kelok kadar hasil SKM dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) dengan terbitan baru SKM 15 tahun serta TPK 7 tahun pada tahun 2004.

Pada asas kasar, dari segi terbitan swasta, terbitan baru sekuriti hutang swasta (PDS, tidak termasuk bon Cagamas) berjumlah RM2.8 bilion, diterbitkan terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkilangan. Dana yang diperoleh melalui pasaran PDS pada suku pertama terutamanya adalah untuk aktiviti baru (38.8% daripada jumlah PDS) dan pembiayaan semula (35.1%). Terbitan baru terutamanya adalah dalam bentuk nota jangka sederhana (MTN) dan bon biasa. Cagamas Berhad juga menerbitkan bon berjumlah RM3.2 bilion. Pada asas bersih, pasaran PDS mencatat penebusan bersih sebanyak RM880 juta. Dalam pasaran ekuiti, sebanyak RM1.2 bilion telah diperoleh, antaranya RM383 juta adalah daripada 19 tawaran awal awam. Terdapat 21 penyenaraian baru di Bursa Malaysia pada suku pertama, dengan tiga penyenaraian di Papan Utama, 11 di Papan Kedua dan tujuh di MESDAQ.

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	S4 02	S1 03	S4 03	S1 04
	RM juta			
Oleh Sektor Awam				
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	6,000	17,730	2,768	11,000
Tolak Penebusan	2,000	10,300	0	5,500
Tolak Milikan Kerajaan	0	0	0	0
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	4000	7,430	2,768	5,500
Bon Khazanah, *bersih*	0	878	-210	0
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	738	1,729	0	0
Bon Simpanan Malaysia, *bersih*	-2	-2	-2	-455
Bon Simpanan Merdeka, *bersih*	0	0	0	500
Dana bersih yang diperoleh	4,736	10,035	2,556	5,545
Oleh Sektor Swasta				
Saham	2,112	587	4,573	1,200
Sekuriti hutang	11,701	17,405	10,493	6,041
Sekuriti hutang swasta	10,636	16,185	8,268	2,836
Cagamas	1,065	1,220	2,225	3,205
Tolak Penebusan	10,271	2,176	16,940	6,924
Terbitan bersih	1,430	15,229	-6,447	-883
Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas)	685	15,536	-8,672	-2,088
Dana bersih yang diperoleh	3,542	15,816	-1,874	317
Jumlah dana bersih yang diperoleh	8,278	25,851	682	5,862
Kertas dan nota jangka-pendek, *bersih**	413	1,620	-884	-3,793
JUMLAH	**8,691**	**27,471**	**-202**	**2,069**

* Merujuk kepada nota Cagamas dan Kertas perdagangan sahaja.

Terbitan PDS mengikut Tujuan Penggunaan

(% daripada jumlah)



IK BSKL mencatat keuntungan yang ketara

IK BSKL terus kukuh pada suku pertama 2004. Harga saham di Bursa Malaysia meningkat, disokong oleh prestasi korporat yang bertambah baik dan jangkaan ekonomi pada masa hadapan yang lebih memuaskan. Sementara pasaran saham di luar negeri meningkat pada suku pertama, IK BSKL mencapai keuntungan yang lebih ketara. IK BSKL melepasi tahap mata 900 untuk mencatat 908.96 pada 22 Mac 2004.

Pada suku pertama, IK BSKL mencatat keuntungan sebanyak 107.9 points (+13.6% sejak akhir suku keempat 2003). Permodalan pasaran bagi suku pertama juga adalah lebih tinggi iaitu sebanyak RM724.2 bilion (+13.1% sejak akhir suku ke empat 2003) sementara purata harian aktiviti dagangan stabil sebanyak 650.6 juta unit.

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Suku Pertama 2004



Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir suku tahunan				
	S4 02	S1 03	S3 03	S4 03	S1 04
Indeks Harga					
Komposit	646.32	635.72	733.45	793.94	901.85
EMAS	157.25	153.98	182.03	195.57	219.76
Papan Kedua	98.24	93.00	122.03	140.64	135.33
Purata Urus niaga harian					
Jumlah (juta unit)	142.3	213.6	644.3	658.1	650.6
Nilai (RM juta)	275.9	367.1	958.1	1,179.8	1,328.2
Permodalan Pasaran (RM b)	481.62	478.30	572.26	640.28	724.15
Bil. syarikat yg disenaraikan	865	874	889	906	923

Sumber: Bursa Malaysia

Peningkatan urus niaga sekunder dalam pasaran bon

Aktiviti urus niaga sekunder adalah lebih tinggi apabila pelabur cenderung kepada pelaburan berpendapatan tetap, berikutan kebimbangan ke atas prospek ekonomi akibat merebaknya kuman Avian di Asia pada bulan Januari serta kekhuatiran geopolitik pada bulan Mac. Aktiviti urus niaga tertumpu kepada sekuriti Kerajaan dan separa Kerajaan (bertempoh 3-5 tahun) yang merangkumi 78.5% daripada jumlah niagaan. Dari segi mudah tunai, bon Cagamas dan Terbitan Pelaburan Kerajaan adalah kertas yang paling cair, dengan jumlah pusingan masing-masing sebanyak 0.72 dan 0.68 kali. Tanda aras kelok kadar hasil SKM jangka pendek ke sederhana berubah ke bawah pada suku pertama dipengaruhi terutamanya oleh kuman Avian pada bulan Januari dan kekhuatiran geopolitik pada bulan Mac.

Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	Pada suku tahunan									
	S4 02		S1 03		S3 03		S4 03		S1 04	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	8,890	17,098	12,387	21,294	41,877	62,274	40,144	71,970	37,737	77,036
Antaranya:										
Papan Utama	7,276	14,914	10,609	19,397	27,849	46,225	27,495	51,391	27,626	61,454
antaranya:										
Barangan Pengguna	255	1,096	310	1,481	857	2,768	944	3,086	1,173	3,905
Barangan Perusahaan	575	1,213	711	1,535	3,911	5,406	3,735	5,369	4,087	6,067
Pembinaan	869	1,199	1,482	1,687	2,088	3,967	2,177	5,415	1,693	4,044
Perdagangan/Perkhidmatan	1,791	5,384	2,791	7,165	5,994	14,829	6,118	16,632	5,632	19,975
Kewangan	1,244	3,335	1,532	3,784	3,497	8,471	3,468	9,065	4,536	14,521
Harta benda	996	749	1,370	966	5,215	4,567	5,138	5,446	4,159	5,145
Perladangan	178	737	296	1,283	676	1,815	638	1,981	762	3,106
Perlombongan	38	72	48	91	42	67	36	102	43	140
Papan Kedua	1,523	2,162	1,591	1,807	8,069	12,103	10,100	18,229	6,258	11,249

Sumber: Bursa Malaysia

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga/Nilai Terkumpul



Arah Aliran Kadar Hasil SKM



Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

Peratus Pertukaran (1 Januari - 31 Mac 2004)



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Utama



Prestasi ringgit

Pada suku pertama 2004, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama dan serantau. Ringgit meningkat berbanding euro tetapi menurun berbanding yen dan sterling paun. Dolar AS kembali kukuh berbanding euro pada S1 2004 disebabkan oleh keadaan ekonomi yang semakin baik di AS seperti yang dicerminkan oleh peningkatan indeks perkhidmatan *Institute of Supply Management* dan peningkatan peluang pekerjaan yang melebihi jangkaan. Sementara itu, yen dan sterling paun yang kukuh disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang kukuh di Jepun dan United Kingdom.

Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit meningkat berbanding rupiah berikutan kebimbangan keselamatan dan ketidaktentuan di Indonesia berikutan pilihanraya parlimen pada bulan April. Ringgit juga meningkat berbanding peso Filipina apabila peso menjadi lemah disebabkan oleh penurunan klasifikasi hutang oleh Moody's. Ringgit menurun berbanding won Korea (-3.9%), dolar Singapura (-1.3%) dan baht

Thailand (-0.3%). Won bertambah kukuh terutamanya disebabkan oleh data dagangan yang positif dan kemasukan ekuiti yang kukuh, yang menyebabkan Korea melaksanakan kawalan ke atas kontrak hadapan yang tidak boleh diserahkan pada pertengahan Januari untuk menghalang spekulasi ke atas won. Walaupun ketidakstabilan kadar pertukaran mata wang utama dan serantau berlaku, nilai wajaran dagangan ringgit terus kekal konsisten dengan asas ekonomi negara.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Serantau



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak *		
	30 Jun 97	02 Sep 98	S4 03	S1 04	30 Jun 97	02 Sep 98	S4 03
Dolar AS	2.5235	3.8001	3.8000	3.8000	-33.6	0.0	0.0
Euro	-	-	4.7783	4.6522	-	-	2.7
Paun Sterling	4.1989	6.3708	6.7678	6.9667	-39.7	-8.6	-2.9
100 yen Jepun	2.2088	2.7742	3.5546	3.6334	-39.2	-23.6	-2.2
Dolar Singapura	1.7647	2.1998	2.2342	2.2633	-22.0	-2.8	-1.3
100 baht Thai	9.7470	9.3713	9.5947	9.6239	1.3	-2.6	-0.3
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	6.8431	6.7580	41.9	30.7	1.3
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0449	0.0442	134.6	-20.0	1.4
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3180	0.3308	-14.1	-14.5	-3.9

* (+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.